



Yayasan Sarawak



TAWARAN BIASISWA SESI 2023/2024

Yayasan Sarawak dan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) mempelawa calon-calon yang layak untuk memohon penajaan Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib dan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman untuk ambilan Sesi 2023/2024.

1.	BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB (BYSTT) (Kursus STEM; Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)
2.	YAYASAN BIASISWA SARAWAK TUNKU ABDUL RAHMAN (YBSTAR) (Kursus BUKAN STEM selain Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

SYARAT-SYARAT ASAS:

1. Anak Jati Sarawak (sama ada ibu atau bapa atau kedua-dua Ibubapa **adalah Anak Kelahiran Sarawak**.
2. Sedang atau akan mengikuti pengajian dalam kursus yang diiktiraf, secara **SEPUHU MASA** di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi di **Dalam Negara sahaja**. Pemohon telah pun menerima surat tawaran kemasukan ke Institusi.
3. Sedang atau akan mengikuti pengajian dalam kursus secara **SEPUHU MASA** di mana-mana 10 Institusi Pengajian Tinggi Terunggul di dunia (**10 Institusi Terbaik Dunia**). Pemohon telah pun menerima surat tawaran kemasukan ke Institusi.

Ijazah Pertama	Ijazah Lanjutan
Untuk permohonan penajaan di Institusi Dalam Negara SAHAJA . (Keutamaan diberi kepada Institusi Pengajian Awam (IPTA) dalam Malaysia & Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik Kerajaan Negeri Sarawak	Untuk permohonan penajaan di Institusi Dalam Negara atau di Luar Negara (Di mana-mana 10 INSTITUSI TERBAIK DUNIA SAHAJA)

SYARAT KHUSUS (KELAYAKAN AKADEMIK)

4. Pemohon yang sedang mengikuti pengajian **ATAU** pemohon yang telah diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi perlu mempunyai salah satu kelayakan akademik seperti berikut:

(Keutamaan kepada pelajar yang berada di Tahun 1 dan 2 sahaja)

PERINGKAT & KRITERIA	KELAYAKAN & PENCAPAIAN AKADEMIK
Ijazah Pertama	Pemohon memperoleh subjek Bahasa Melayu Kepujian (Kredit) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya. Memperoleh CGPA/PNGK 3.00 dan ke atas bagi lulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf dengannya/ Diploma / Matrikulasi / Asasi dan yang setaraf dengannya
Ijazah Lanjutan	Memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang (PNGK 3.00 dan ke atas) semasa Ijazah Pertama atau Sarjana.
Kriteria Tambahan	<ol style="list-style-type: none">1. Memiliki ciri-ciri kepimpinan yang tinggi dan aktif di dalam aktiviti kokurikulum.2. Aktif dan banyak menyumbang dalam kegiatan kemasyarakatan.3. Perkembangan Bakat (<i>Talent</i>) iaitu cemerlang dalam satu atau lebih bidang terutamanya dari segi kepimpinan, kemahiran dan kreativiti.

KRITERIA PEMILIHAN

5. Calon yang layak dan memenuhi kriteria di atas, akan ditemuduga oleh satu panel khas. Pemilihan akan dibuat dengan mengambil kira prestasi semasa temuduga, potensi calon, bakat kepimpinan, sumbangan kepada masyarakat dan kriteria-kriteria lain yang difikirkan wajar oleh panel.

CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

6. Pemohon yang **TIDAK MEMENUHI** syarat-syarat Kelayakan Asas.
7. Pemohon yang sedang mengikuti kursus peringkat STPM, Sijil, Pra-Diploma, Diploma, Matrikulasi dan Asasi.
8. Pemohon yang sedang mengikuti program Kursus Jarak Jauh / Separuh Masa.
9. Pemohon yang masih terikat dengan mana-mana badan penajaan.
10. Pemohon yang sedang bekerja tetapi **TIADA** surat pelepasan/kelulusan daripada majikan.

CARA MEMOHON

11. Permohonan adalah secara talian yang boleh dicapai di laman web <http://www.yayasan-sarawak.org.my>;

12. **Semua dokumen MESTI DISAHKAN SEBELUM DIMUATNAIK** semasa memohon secara talian.

Berikut merupakan senarai dokumen WAJIB dimuatnaik: -

- a. Salinan MyKad Pelajar dan MyKad Ibu Bapa
- b. Salinan Sijil Lahir Pelajar
- c. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke Universiti/ Institusi
- d. Salinan Keputusan Terkini Akademik (PNGK)
- e. Salinan Keputusan SPM (Bahasa Melayu hendaklah Kredit)
- f. Sijil KoKurikulum (KK) daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS).

SEKIRANYA TIADA salinan sijil KK daripada JPNS, maka pemohon boleh memuatnaik **Satu (1) SALINAN SAHAJA**, sama ada:

- i. Pencapaian Tertinggi Kokurikulum **ATAU**
- ii. Penyertaan Tertinggi **ATAU**
- iii. Jawatan yang Disandang

untuk setiap **4 ELEMEN** di bawah ini, iaitu:

- i. **Sukan**
- ii. **Akademik**
- iii. **Kelab**
- iv. **Persatuan**

(Keempat-empat elemen ini menyumbang kepada Penilaian Markah Senarai Pendek Temuduga)

- g. Salinan Slip Gaji Terkini/ Penyata Pencen/ Surat Pengesahan Gaji (bagi yang bekerja sendiri)
- h. Pegawai atau kakitangan kerajaan atau swasta yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan bersama **Surat Pengesahan Kebenaran** untuk Belajar Secara Sepenuh Masa. (jika berkaitan)

NOTA: KEGAGALAN mengemukakan dokumen yang telah DISAHKAN seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan kegagalan permohonan dan tidak dipanggil untuk temuduga.

13. Salinan **hardcopy** TIDAK DIPERLUKAN.

14. Sila pastikan **setiap saiz dokumen yang dimuatnaik adalah di bawah 1 MB.**

15. Pemohon digalakkan memohon **menggunakan pelayar desktop melalui Portal/ Sistem Web Yayasan Sarawak (<http://www.yayasansarawak.org.my>)** untuk mengelakkan sebarang kesulitan dalam memuatnaik dokumen.
 16. Sebarang pindaan atau perubahan pada syarat-syarat permohonan pada iklan ini jika ada, termasuk tarikh tutup permohonan, akan dimaklumkan di laman sesawang Yayasan Sarawak.
17. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN: RABU, 31 MEI 2023, Jam 4.00 PETANG.**
- Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut TIDAK akan dipertimbangkan.**
- Permohonan yang TIDAK LENGKAP ATAU TIDAK MEMENUHI SYARAT seperti yang ditetapkan, TIDAK akan dipertimbangkan.**

Sebarang Pertanyaan sila hubungi :-

**SEKSYEN BIASISWA
Talian Pejabat : (082) 441686 Faks : (082) 440023**